

# Jangan pertikai kontrak sosial!

Oleh **IZZAT NASURUDEN**  
dan **SAJIDA ASARULAH KHAN**  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 26 April** - Tindakan beberapa pihak memper-tikaikan polisi berasaskan kaum walaupun ia merupakan perjanjian yang termaktub dalam kontrak sosial tidak sepatutnya dipertikaikan dan dipolitikkan demi kepentingan peribadi.

Hal itu kerana kontrak sosial yang telah dipersetujui semasa pembentukan negara pada 1955 adalah hasil pengorbanan dan tolak ansur semua kaum dalam negara selain menjadi pelindung kepada hak istimewa orang Melayu serta bumiputera.

Sehubungan itu, Pakar Sosiologi Pendidikan Universiti Ke-

bangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Mohd. Mahzan Awang menegaskan tidak sepatutnya isu tuntutan kuota ke-masukan pelajar bu-kan bumiputera ke program matriku-lasi dijadikan alasan sesetengah pihak untuk mempertikai kontrak sosial.

Menurut Mohd. Mahzan, hal itu kerana masih ti-ada kajian secara saintifik yang menunjukkan aspirasi serta keinginan bukan bumiputera untuk masuk ke program matrikulasi berbanding kaum bumi-putera.

“Benarkah ramai pelajar-



**MOHD. MAHZAN AWANG**

pelajar bukan bumi-putera mahu masuk ke program matriku-lasi atau ia sekadar dijadikan alat politik oleh pihak tertentu semata-mata? Haki-katnya masih banyak peluang pendidikan untuk golongan ini dalam negara.

“Kita juga perlu melihat kembali ob-jektif penubuhan

program matrikulasi ini yang mana ia adalah untuk mengim-bangi pendidikan pelajar bu-miputera dengan pelajar bukan bumiputera. Janganlah abaikan nasib pelajar bumiputera,” kata-nya ketika dihubungi *Utusan Ma-laysia* di sini hari ini.